

sains

KERATAN AKHBAR

06-08 OGOS 2022

SABTU-ISNIN

**NEW
STRAITS TIMES**

Star The people's paper
Kosmo! SAURA KONTEMPORARI

Utusan Penyuar fikiran rakyat
MALAYSIA

Sinar suara aknna komuniti anda
harian

astro
AWANI

malaysiakini
terkini untuk anda

NOGORI KITO

BERNAMA

facebook

**THE EDGE
MARKETS**
MAKE BETTER DECISIONS

Sun

**FMT
news**
FREE AND INDEPENDENT

星洲日報
SIN CHEW DAILY

南洋商報
NANYANG SIANG PAU

中國報
CHINA PRESS

malaymail
since 1995

Padah guna air percuma, hukuman penjara, denda menanti

SEREMBAN: Tiga premis, masing-masing dua di sini dan satu lagi di Port Dickson, diserbu Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) kerana disyaki mencuri air melalui penyambungan saluran tidak sah.

Operasi bermula kira-kira jam 10 pagi kelmarin, diketuai Pegawai Penguin Kuasa SPAN, Shariff Abd Rahman dan sepasukan kakitangan Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS).

Ketua Jabatan Komunikasi Korporat SAINS, Norzita Ismail, berkata premis pertama diserbu adalah kawasan simpanan lori yang penghuni premis di situ didapati melakukan penyambungan air tidak sah menggunakan paip getah bersaiz 32 milimeter (mm) tanpa melalui meter.

"Air yang dicuri adalah untuk kegunaan harian pekerja premis. Premis kedua diserbu membabitkan sebuah banglo dalam proses ubah suai yang didapati melakukan penyambungan tidak sah menggunakan paip getah bersaiz 19mm.

"Premis ketiga pula sebuah bengkel membaiki kenderaan di mana penghuni premis didapati membuat sambungan menggunakan paip mudah lentur bersaiz 15mm tanpa meter," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Kes pertama disiasat mengikut Seksyen 123 Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 yang memperuntukkan hukuman denda dan penjara jika sabit kesalahan.

Norzita berkata, bagi kes pertama, tertuduh boleh dikenakan denda RM100,000 atau penjara sehingga satu tahun atau kedua-duanya sekali, manakala kes kedua dan ketiga disiasat mengikut Seksyen 89 (9) akta sama.

"Jika sabit kesalahan mengikut Seksyen 89 (9), tertuduh boleh dikenakan denda RM50,000 atau penjara sehingga enam bulan atau kedua-duanya sekali.

"Penguin kuasa SAINS turut menjalankan ujian klorin di ketiga-tiga lokasi dan terbukti bekalan air yang digunakan adalah air terawat milik SAINS. SPAN menyita semua pepasangan dan punca sambungan yang dibuat sebagai bahan bukti," katanya.

Beliau meminta pengguna yang mempunyai maklumat atau ingin melaporkan kes curi air supaya menghubungi talian bebas tol SAINS 1-800-88-6982 dengan setiap maklumat peribadi pemberi maklumat akan dirahsiakan.



Pegawai SPAN dan SAINS memeriksa penyambungan saluran air haram di sebuah premis yang diserbu di Seremban

SPAN serbu premis curi air



Pegawai SPAN dan SAINS memeriksa penyambungan saluran air haram yang dilakukan sebuah premis di Seremban

Seremban: Tiga premis di sini, dan Port Dickson, diserbu Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) selepas didakwa mencuri air melalui penyambungan saluran tidak sah, kelmarin.

Ketua Jabatan Komunikasi Korporat, Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS), Norzita Ismail berkata, serbuan diketuai pegawai bahagian penguat kuasa SPAN, Shariff Abd Rahman dan beberapa kakitangan SAINS.

"Operasi dimulakan 10 pagi dengan premis pertama membabitkan stor simpanan lori yang didapati penghuni premis terbabit melakukan penyambungan tidak sah menggunakan paip getah bersaiz 32 milimeter (mm) tanpa melalui sebarang meter untuk kegunaan harian pekerja premis.

"Premis kedua yang diserbu membabitkan sebuah banglo yang sedang dalam proses ubah suai yang didapati melakukan penyambungan tidak sah menggunakan paip getah bersaiz 19 mm.

"Manakala premis ketiga pula sebuah bengkel membaiki kenderaan di mana penghuni premis didapati membuat sambungan menggunakan paip mudah lentur bersaiz 15mm tanpa meter," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 123 Akta Industri Perkhidmatan Air 2006.

Menurutnya, bagi kes serbuan pertama sekiranya disabitkan kesalahan, tertuduh boleh dikenakan hukuman denda sebanyak RM100,000 atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Katanya, bagi kes kedua dan ketiga disiasat di bawah Seksyen 89(9) akta yang sama dengan tertuduh boleh dikenakan hukuman denda sebanyak RM50,000 atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali, sekiranya disabitkan kesalahan.

"Pegawai penguat kuasa SAINS turut menjalankan ujian klorin di ketiga-tiga lokasi dan terbukti bekalan air yang digunakan adalah air terawat milik SAINS," katanya.

Disiarkan pada: Ogos 6, 2022 @ 11:52am

SEREMBAN 08 OGOS 2022 – AHAD

CURI AIR

Tiga premis, masing-masing dua di sini dan satu lagi di Port Dickson, diserbu Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) kerana disyaki mencuri air melalui penyambungan saluran tidak sah.

Operasi bermula kira-kira jam 10 pagi kelmarin, diketuai Pegawai Penguat Kuasa SPAN, Shariff Abd Rahman dan sepasukan kakitangan Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS).

Ketua Jabatan Komunikasi Korporat SAINS, Norzita Ismail, berkata premis pertama diserbu adalah kawasan simpanan lori yang penghuni premis di situ didapati melakukan penyambungan air tidak sah menggunakan paip getah bersaiz 32 milimeter (mm) tanpa melalui meter.

Premis kedua diserbu membabitkan sebuah banglo dalam proses ubah suai yang didapati melakukan penyambungan tidak sah menggunakan paip getah bersaiz 19mm.

"Premis ketiga pula sebuah bengkel membaiki kenderaan di mana penghuni premis didapati membuat sambungan menggunakan paip mudah lentur bersaiz 15mm tanpa meter," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Beliau meminta pengguna yang mempunyai maklumat atau ingin melaporkan kes curi air supaya menghubungi talian bebas tol SAINS 1-800-88-6982 dengan setiap maklumat peribadi pemberi maklumat akan dirahsiakan.

国家水务服务委员会 芙蓉波德申三处取缔偷水

(芙蓉6日讯) 森州水务公司 (SAINS) 国家水务委员会 (SPAN) 联手在芙蓉和波德申3个场所展开取缔涉嫌偷水行动。

国家水务委员会执法组官员沙立夫阿都拉曼是于本月4日，率领森州执法组队伍展开行动，并在所检举的现场进行氯测试，证明三个场所所使用的水供是属水务公司的滤水。

文告指出，在检举工程中，国家水务委员会官员也充公所有偷水用具，作为证据。

文告披露，第一项取缔行动是在当天早上10时，在一个罗里停放中心展开，调查发现该处被发现非法驳接直径32毫米的橡胶水管，取水供作为日常应用。

该局援引2006年工业水务服务法令第123条文下调查此案，一旦罪成，违例者可被罚款最高10万令吉或坐牢不超过一年，或两者兼施。

第二项被取缔的是装修中的洋房，该洋房被发现非法驳接直径19毫米的橡胶水管，在没有通过水表下，取水供作该洋房的装修用途。

第三项取缔行动的场所是一家汽车修理厂，执法人员发现该厂使用15毫米的水管偷水，作为该厂居住者的日常用途。

以上案件将在2006年工业水务服务法令第89(9)条文下调查，一旦罪成，业者可被罚款最高5万令吉或坐牢不超过6个月，或两者兼施。

文告说，森州水务公司将会继续加强监督及取缔州内的偷水活动，不管是涉及商业及住家用户，以减少无收益水 (NRW) 的损失。

该公司感谢民众的协助减少州内的偷水活动，任何偷水情报可拨打热线1-800-88-6982提供，举报者资料将被保密。